

03 SEP 2003

IMF-JENAKA/I

KOHLER PERLIHAT SIKAP SUKA BERJENAKA PADA CERAMAH TENGAH HARI

PUTRAJAYA, 3 Sept (Bernama) -- Pengarah urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Dr Horst Kohler, menunjukkan bahawa beliau bukanlah semata-mata gemarkan fakta-fakta ekonomi dan angka-angka yang memeningkan, apabila beliau memperlihatkan sikap suka berjenakanya pada akhir ceramah beliau yang berlangsung di sini, tengah hari ini.

Selepas menerima cenderahati daripada Ahiruddin Atan, pengarang akhbar The Malay Mail, Kohler memberitahu anak-anaknya yang telahpun membesar bertanya kepada beliau kenapa beliau pergi ke Malaysia sedangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merupakan pengkritik yang lantang terhadap beberapa dasar IMF.

Beliau memberitahu mereka itu adalah sebahagian daripada tugasnya untuk melawat negara-negara anggota IMF dan mendapatkan pandangan mereka.

Dalam hubungan ini, kata Kohler, beliau ingin mendapatkan pandangan Dr Mahathir mengenai isu-isu ekonomi dan kewangan.

Tetapi Kohler, secara berseloroh berkata: "Saya juga bimbang sama ada saya dapat keluar dari Malaysia (memandangkan kritik terhadap IMF). Sebaliknya sekarang saya ada hadiah untuk dibawa pulang!"

Kohler tidak dijadualkan singgah di Malaysia dalam perjalanannya ke Phuket untuk menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan APEC pada hujung minggu ini, tetapi telah diminta datang ke Malaysia oleh Menteri Kewangan II Datuk Dr Jamaludin Jarjis, bagi pihak kerajaan.

Pengarah urusan IMF itu juga berkata beliau akan menerima tawaran Jamaludin untuk bermain golf lagi di Malaysia dalam lawatannya yang akan datang kerana "orang boleh bermain sembilan lubang dalam cahaya matahari dan sembilan lubang dalam cahaya bulan" seperti yang dikatakan oleh Dr. Jamaludin bila merujuk kepada kemudahan-kemudahan bermain golf pada waktu malam yang begitu banyak di Malaysia.

"Saya juga ingin menunjukkan saya ini manusia biasa dan pemain golf yang teruk," katanya.

Ceramah tengah hari itu dianjurkan bersama oleh Kelab Akhbar Kebangsaan (NPC) dan Institut Akhbar Malaysia (IAM). Dr Jamaludin kemudian menerima cenderahati daripada presiden IAM, Datuk Ahmad Talib. -- BERNAMA

SHY SHY KY JR